

# Ahmed Keeler dilantik Felo Kehormat di USIM

**SEREMBAN 23 Jan.** - Pengasas The Golden Web Foundation yang juga Felo Akademik di University of Cambridge, Ahmed Keeler dilantik sebagai Felo Kehormat Kerusi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd. Yassin Muhammad di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bermula 1 Januari lalu.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani berkata, pelantikan Ahmed untuk tempoh setahun adalah signifikan dalam membantu universiti itu dan negara memperoleh keberhasilan berkaitan perkembangan dakwah dan media di peringkat global.

"USIM menyasarkan untuk menjadi pusat rujukan global bagi integrasi ilmu naqli dan aqli menjelang tahun 2025.

"Pelantikan Ahmed yang berketurunan Inggeris dan seorang

tokoh terkemuka dari University of Cambridge adalah langkah penting bagi menjalin hubungan akademik dan penyelidikan bersama universiti terkemuka dunia itu," katanya di sini hari ini.

Ahmed mempunyai latar belakang pendidikan dan pengalaman luas dalam bidang kesusasteraan dan kesenian.

Beliau pernah menubuhkan Signal Gallery yang menjalinkan hubungan antara seni, sains dan teknologi selain merupakan pengasas *The Oriental Centre, Institute of*

*Contemporary Arts* yang kemudiannya menganjurkan *World of Islam Festival* yang pertama di London pada November dan Disember 1971.

Kata Zulkiple, *The Golden Web Foundation* yang diasaskan Ahmed pula merupakan sebuah projek yang bertujuan memanfaatkan teknologi internet bagi menyampaikan maklumat dan meng-

hubungkan masyarakat seluruh dunia berkaitan sumbangan Islam terhadap perkembangan tamadun global.

"Itu telah menjadi wadah kepada perbincangan bagaimana Islam boleh menyediakan penyelesaian kepada cabaran semasa pada era globalisasi," katanya.

Tambah Zulkiple, beliau berharap pelantikan Ahmed dapat dimanfaatkan oleh warga universiti dan masyarakat Islam di negara ini.

"Untuk bercakap mengenai Islam, kita bukan sahaja perlu mendengar daripada masyarakat di negara Islam sahaja, tetapi juga daripada umat Islam di negara Barat yang yang dapat memberikan perspektif yang berbeza untuk kita pelajari bersama.

"Itu membuktikan bahawa USIM sebagai institusi akademik adalah wadah kepada kepelbagaian pemikiran serta perbincangan intelektual sekali gus membuktikan bahawa Islam sebagai agama yang syumul," katanya.



**AHMED KEELER**